

BULETIN E.K.S.A. HOSPITAL SULTAN HAJI AHMAD SHAH

BERSIH, KEMAS & SELAMAT

PENGAUDITAN EKSA: PENGALAMAN DAN PENAMBAHBAIKAN



EDISI 2 2016

7 JUL 2016

Mukasurat 1



Pengalaman yang telah ditempuhi semasa pengauditan EKSA sejak hampir 6 bulan yang lalu, masih kekal segar dalam ingatan. Di sebalik penghargaan dan pengiktirafan yang diterima, masih banyak ruang penambahbaikan yang harus diambil kira oleh semua warga HoSHAS. Setiap pandangan dan teguran tersebut, sebenarnya telah banyak membantu memantapkan tahap kualiti perkhidmatan hospital ini khususnya dalam aspek keselamatan dan kecekapan dalam menyampaikan perkhidmatan yang sedia ada.

Keselamatan bukan sahaja merangkumi kumpulan pesakit bahkan kakitangan dan persekitaran turut dititikberatkan dalam kriteria EKSA. Teguran terhadap pengurusan kunci, perekodan aset, pengurusan dokumen terperingkat dan pelbagai isu lain yang melibatkan keselamatan pesakit, pekerja dan persekitaran telah berjaya membuka mata pelbagai pihak mengenai betapa pentingnya amalan budaya EKSA ini. Kecekapan dalam menyampaikan perkhidmatan dapat melancarkan prosedur kerja yang lebih berkesan lebih-lebih lagi jika ia dapat diselesaikan dalam jangkamasa tidak melebihi dari had yang ditetapkan. 7 jenis kriteria audit EKSA yang digariskan oleh pihak MAMPU, merangkumi semua aspek perkhidmatan sesebuah organisasi termasuklah institusi kesihatan. Sebagai permu-

laan, tahap pematuhan setiap kriteria telah diaudit terlebih dahulu oleh pasukan audit dalaman institusi tersebut. Sebagai contoh, Pasukan Audit EKSA HoSHAS akan menjalankan audit secara berkala di semua zon EKSA hospital ini. Laporan rasmi akan dikeluarkan setelah perbincangan bersama semua ketua zon diadakan bagi mengambil kira sebab/alasan penemuan yang direkodkan.

Selepas itu, semua ketua zon akan mengetuai tindakan penambahbaikan di zon masing-masing dengan kadar segera. Hasil penemuan dan keputusan pemarkahan rasmi audit dalaman akan dilaporkan kepada pihak MAMPU sebelum audit EKSA MAMPU mula dijalankan. Susulan dari laporan pencapaian markah tersebut, pihak auditor MAMPU akan meneliti semula dan akan menentukan zon-zon yang akan diaudit. Zon-zon yang telah dipilih untuk diaudit pada 3 hari tersebut sebenarnya berpeluang menimba banyak ilmu hasil daripada maklumbalas verbal yang diberikan oleh auditor.

Setiap penemuan samada yang baik mahupun yang perlu dibuat penambahbaikan, telah dicatat manakala bukti rakaman foto dikumpulkan. Paling menarik semasa audit ini dijalankan, adalah apabila pihak auditor berkongsi ilmu mengenai kepentingan pematuhan setiap kriteria yang digariskan dalam EKSA and impak negatif yang berkemungkinan akan berlaku sekiranya tiada penambahbaikan dilaksanakan.

Kandungan buletin pada kali ini, akan berkongsi maklumat mengenai teguran umum dan tindakan penambahbaikan yang wajar diketahui oleh semua warga HoSHAS agar usaha membudayakan amalan EKSA dapat terus diperkukuhkan.

KANDUNGAN BULETIN

Pengauditan EKSA: Impak terhadap budaya kerja warga hospital	1
Teguran Audit EKSA & Penambahbaikan	2-3
Antara amalan EKSA yang wajar diteruskan	4


If you want to live a **happy life**, tie it to a goal, not to people or objects.
~ Albert Einstein



BULETIN E.K.S.A.

TEGURAN AUDIT EKSA DAN PENAMBAHBAIKAN

Auditee telah diberi jangkamasa yang ditetapkan untuk mengambil susulan tindakan penambahbaikan bagi setiap teguran. Teguran disampaikan dalam bentuk verbal mahu pun bertulis oleh pihak auditor. Hampir 95% tindakan penambahbaikan berjaya dilaksanakan dalam tempoh jangkamasa diberi. Berikut adalah antara secara am jenis teguran yang dilaporkan oleh pihak MAMPU:



Teguran 1:

Komponen D: Keselamatan Pejabat / Persekitaran
Butiran: Tatacara penyimpanan kunci keselamatan tidak selaras dengan Arahan Keselamatan. Tatacara tersebut perlu diselaraskan kepada semua zon.
Risiko: Tahap keselamatan bangunan dan harta benda kerajaan boleh terjejas.




Teguran 2:

Komponen D: Keselamatan Pejabat / Persekitaran
Butiran: Pemaparan Bilik Terperingkat pada Pelan Lantai. Penunjuk arah ke bilik tersebut juga tidak perlu. Pengurusan fail SULIT atau TERPERINGKAT perlu diselaraskan secara menyeluruh.
Risiko: Mendedahkan lokasi item Terperingkat kepada umum dengan mudah



Teguran 3:

Komponen E: Persekitaran Bangunan
Butiran: Paparan pada Papan Pelan Keseluruhan Bangunan agak usang dan kurang kondusif. Terdapat papan tanda lain juga perlu dibetulkan/dibersihkan.
Risiko: Maklumat lokasi umum akan mengelirukan pelawat yang datang ke hospital khususnya untuk kes kecemasan



Teguran 4:

Komponen D: Keselamatan Pejabat / Persekitaran
Butiran: Seragam dan selaraskan format kad KEW.PA-7 menggunakan format yang terkini. Kandungan aset yang direkod pada kad tidak selaras dengan fizikal. Nombor daftar inventori pada kad tersebut tidak direkodkan.
Risiko: Pergerakan, kehilangan atau kecurian aset kerajaan menjadi sukar dikesan.

TEGURAN AUDIT EKSA DAN PENAMBAHBAIKAN (SAMB..)



Teguran 5:

Komponen D: Keselamatan Pejabat / Persekitaran

Butiran: Wayar tidak dirapikan/ diperkemaskan

Risiko: Mendedahkan wayar tersebut kepada geseran yang boleh menyebabkan bahaya kejutan elektrik atau litar pintas



Teguran 6:

Komponen B: Ruang Tempat Kerja / Pejabat

Butiran: Paparan maklumat sensitive pada laluan terbuka. Paparan nama Bilik Fail juga tidak perlu

Risiko: Mendedahkan kepada umum mengenai dokumen sulit yang tersimpan dalam bilik tersebut



Teguran 7:

Komponen B: Ruang Tempat Kerja / Pejabat

Butiran: Keadaan perabot dan persekitaran pondok pengawal tidak kondusif

Risiko: Kerosakan harta kerajaan dan memberikan kesan ketidakselesaan kepada kakitangan yang bertugas



Teguran 8:

Komponen B: Ruang Tempat Kerja / Pejabat

Butiran: Dokumen SULIT pada kabinet terbuka tanpa palang

Risiko: Tahap keselamatan dokumen termasuk dokumen sulit kerajaan boleh terjejas.



Teguran 9:

Komponen B: Ruang Tempat Kerja / Pejabat

Butiran: Tisu tidak disediakan dalam tandas. Pelabelan dibuat secara berlebihan.

Risiko: Tahap kebersihan boleh terjejas. Turut mencetuskan pembaziran (label)

ANTARA AMALAN EKSA YANG WAJAR DITERUSKAN

KOMPONEN A: Pelaksanaan Utama

DEWAN BEDAH REHABILITASI KENANGA 1, 2, 3 & 4

PENGIMEJAN DIAGNOSTIK REKOD PERUBATAN KENANGA 5 & 6

Penemuan: Sudut EKSA kemas, maklumat mencukupi dan berinformatif. Usaha analisa penjimatan yang baik.

KOMPONEN B: Ruang Tempat Kerja / Pejabat

PENGURUSAN

PATOLOGI HEMODIALISIS FARMASI

Penemuan: Ruang laluan bersih, susunan fail seragam, carta pergerakan jelas, sudut informasi yang relevan dan pelabelan yang bersesuaian.

KOMPONEN F: Stor

FARMASI

Penemuan: Keadaan stor ubat yang kemas dan tersusun. Terdapat pelan lokasi di Stor Ubat 2



Layari perkembangan aktiviti EKSA di [Facebook EKSA Hospital Sultan Haji Ahmad Shah](#)



SIDANG PENGARANG BULETIN EKSA HOSHAS

- DR. WAN AEISYAH WAN AHMED
- DR. NOR. SUHAILA MD RIFFIN
- PN. SHARIFAH NOR. SAZLIN SYED ZAINUDDIN
- CIK YASMIN IBRAHIM
- EN. ABD HISHAM ZAHARI
- PN. HAZAINI MUHAMAD
- PN. LAILATUL NAZIRA ABD RAHMAN
- EN. LUQMAN CHONG MOHD ABDULLAH CHONG
- EN. ASMAWI NORDIN
- EN. FAIZAL KAMAL
- PN. NURUL AIDA DOLLAH
- PN. ZILAHUMI MOHD
- PN. FARAHIYAH KARANAINI



*Work hard in silence.
Let your success be the noise!*